

# Solsis dapat pensijilan perak Cisco

SOLSIS (M) Sdn Bhd, anak syarikat Data-prep Holdings Bhd, dianugerahkan pensijilan perak oleh Cisco Systems Inc (Cisco) kerana berjaya memenuhi standard syarat yang tinggi untuk kakitangan, sokongan, pengkhususan dan kepuasan pelanggan.

Solsis pada satu kenyataan kepada akhbar yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, berkata selain pensijilan itu, ia turut mempamerkan kepakarannya dalam jualan, pemasangan dan sokongan kepada rumusan Cisco di Malaysia.

"Komitmen dalam meningkatkan keperluan pelanggan telah berjaya membolehkan kami memperoleh sijil. Ini adalah bukti kepada kejayaan pengetahuan teknikal kami," kata Pengarah Urusan (Bahagian Perkhidmatan Rangkaian) Solsis, Ahmad Rizan Ibrahim.

Beliau berkata pensijilan perak turut mengiktiraf kepimpinan inovatif Solsis dalam menerajui dua unit khusus penghalauan (routing) dan pensuisan, dan rangkaian kawasan tempatan tanpa wayar (LAN).

Pensijilan berkenaan juga mengiktiraf komitmen Solsis dalam menempatkan penghantaran konsisten tahap mutu yang tinggi untuk sokongan teknikal, kepakaran rangkaian, kemahiran sokongan dan kepuasan pengguna.

Pensijilan perak adalah sebahagian daripada program rakan saluran Cisco, akan menyediakan Solsis dengan sumber kerangka kerja yang boleh memberikan perkhidmatan dan sokongan yang meluas kepada pelanggan bagi memenuhi kehendak mereka.